

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



K-DRAMA MENJADI PILIHAN

Noor Azillah Mohamad Ali, Shahrul Amri Ab Wahab & Rozihanim Shekh Zain

Kebelakangan ini, fenomena budaya Korea atau Hallyu Wave semakin menular seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Satu aspek yang menonjol ialah populariti drama Korea atau K-Drama. Tidak kira remaja, dewasa malah warga veteran juga ramai yang mengikut plot-plot drama Korea samada di televisyen, platform penstriman dan media sosial. Fenomena ia menimbulkan satu persoalan yang menarik, apa yang membuatkan K-Drama sangat-sangat digemari sehingga menjadi kegilaan dan pilihan utama ramai penonton?

Jalan cerita yang unik dan beremosi

Kekuatan sesuatu drama itu bergantung kepada jalan ceritanya. Cerita yang penuh emosi, tidak klise, mampu menarik perhatian penonton. Tidak kisahlah genre romantic, thriller, komedi atau sejarah, kebanyakan drama Korea disusun dengan plot yang rapi dan penuh kejutan. Garapan kisah cinta penuh konflik, tentang persahabatan, perjuangan hidup mahupun misteri jenayah digarap dengan penuh dramatik sehingga mampu membuat penonton terus melekat dari satu episod ke episod seterusnya. Dengan jalan cerita yang padat serta jumlah episod antara 16 sehingga 20 episod yang tidak membuat penonton bosan kerana pengarah drama berjaya melaksanakan perkembangan watak dan konflik baharu. Ini memberi keterujaan kepada setiap penonton untuk mengetahui kesudahan jalan cerita drama tersebut.

Kualiti produksi yang tinggi

Sesuatu drama yang berkualiti dengan sinematografi yang cantik, muzik latar yang menyentuh jiwa serta kesan visual yang menawan adalah penyebab kenapa K-Drama disukai ramai. Penghasilan setiap adegan drama penuh ketelitian walaupun untuk tontonan drama dan bukannya filem. Suasana visual yang menarik dan berkualiti dititikberatkan oleh pihak produksi. Pihak produksi di Korea Selatan sanggup mengeluarkan modal yang besar dalam aspek teknikal seperti penggunaan kamera yang berdefinisi tinggi, penggunaan dron untuk merakamkan pemandangan yang indah serta tidak dilupakan pencahayaan yang mantap dalam penghasilan satu-satu drama. Mereka sanggup membuat pelaburan besar demi liputan satu dunia.

Pelakon yang berbakat dan berkarisma

Drama yang menarik perlulah disertakan dengan pelakon yang berbakat dan berkarisma bagi memastikan lakonan yang mantap seiring dengan drama yang menarik. Perwatakan yang menarik juga antara aspek kenapa K-Drama menjadi kegilaan ramai kerana peminat pelakon K-Drama ini tidak terhad di Korea sahaja tapi melangkau tontonan global. Ramai pelakon yang mencetus fenomena dunia dengan lakonan yang penuh penghayatan serta bersahaja dan karakter yang ditonjolkan mampu menghidup watak drama tersebut. Antara pelakon yang mencetus fenomena seperti Hyun Bi, Son Ye Jin, Lee Min Ho, Park Seo Joon dan IU. Karisma pelakon-pelakon Korea ini menyerlah di layar tetapi juga menjadi simbol ikon fesyen, kecantikan dan gaya hidup mereka juga menjadi ikutan.

Kepelbagaian genre dan tema

Kejayaan sesebuah drama itu bukan sahaja terletak pada pelakon atau aspek teknikal, tetapi kepelbagaian genre dan tema juga menjadi faktor daya tarikan kepada jutaan peminat K-Drama di seluruh dunia. K-Drama tidak hanya terhad kepada kisah cinta semata-mata, di mana penonton boleh memilih pelbagai genre yang menarik seperti komedi-romantik, sejarah, fantasi, aksi dan banyak lagi. Dengan kepelbagai genre dan tema ini mampu memberikan banyak pilihan cerita mengikut citarasa dan kesesuaian masing-masing.

Nilai Budaya dan Moral



Cerita dalam K-Drama sering memaparkan nilai kekeluargaan, persahabatan, pengorbanan dan perjuangan hidup. Nilai moral yang tersentuh di jiwa penonton kerana mencerminkan reality kehidupan yang sebenar. Walaupun kisah romantik atau fantasi mesej kemanusiaan menjadi perkara penting yang diperjuangkan yang bisa meninggalkan kesan mendalam contohnya seperti kisah “When life gives you tangerines” satu kisah yang menerapkan tahap kerja keras Oh Ae Sun dan Gwan Sik bagi menghasilkan kehidupan yang lebih baik dan juga nilai kasih sayang di terapkan antara mereka. Nilai ini amat sinonim dengan mesej kemanusiaan yang menjadi teras dan mudah diterima oleh penonton di Malaysia.

Pengaruh Budaya Korea (Hallyu Wave)

Fenomena Hallyu Wave tidak hanya popular kepada muzik K-pop tetapi kepada drama Korea. Selain daripada fesyen, makanan dan gaya hidup Korea yang sering dipaparkan di K-Drama mampu menarik minat penonton di seluruh dunia sehingga membawa kepada keinginan penonton untuk mempelajari budaya Korea itu sendiri. Hasil daripada itu ramai yang ingin mempelajari bahasa Korea, mencuba resepi-resipi Korea dan negara Korea telah menjadi antara destinasi pelancongan atas pengaruh dari drama Korea yang ditayangkan. Seperti cerita drama “Crash Landing on you” yang memaparkan keindahan Switzerland sehingga lokasi yang digunakan untuk adegan drama ini telah diletakkan papan tanda kepada semua pelancong yang hadir ke situ. Selain itu drama “Bon Appetit, Your Majesty” mahupun “Jewel in the Palace” yang diperkenalkan dengan makanan tradisional Korea kepada semua penonton antarabangsa.

Akses mudah melalui platform digital

Kemudahan untuk akses untuk K-Drama kini lebih mudah dengan kewujudan platform digital. Platform penstriman seperti Netflix, Viu, Disney+ Hotstar dan lain-lain memberi pilihan yang pelbagai bagi penonton yang ingin menonton K-Drama pilihan mereka. Dengan kaedah platform digital ini memberi keselesaan kepada penonton untuk menonton K-Drama mengikut masa yang mereka ingin. Tidak perlu tunggu di depan televisyen. Selain daripada itu dengan penyediaan dwibahasa pantas memberi daya tarikan kepada penonton untuk menghayati drama dengan lebih mudah.

Kesimpulan yang mungkin kita dapatkan nyatakan kenapa K-Drama menjadi pilihan penonton bukan sahaja di Malaysia malahan seantero dunia disebabkan pelbagai faktor dan bukan semata-mata pada pelakon yang bagus tetapi hasil gabungan jalan cerita yang berkualiti dan menarik, nilai budaya yang diterap dalam cerita, tahap kualiti drama yang dipertontonkan serta akses mudah dengan platform digital. K-Drama itu sendiri mempunyai kekuatan yang tersendiri yang mana mampu bertahan dalam kadar lama kerana penghasilan K-Drama sentiasa mengikut peredaran zaman. K-Drama itu sendiri memainkan peranan yang penting dalam menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Korea Selatan dengan pelbagai cara sebagai contoh keuntungan penjualan hak penyiaran di Netflix bagi drama *Descendants of the Sun* mampu menjana sekita 590 billion hasil dari penstriman global di Netflix. Ini adalah impak langsung terhadap ekonomi Korea Selatan hasil dari K-Drama. Malahan dengan K-Drama juga memberi kesan kepada industri pelancongan sebagai contohnya Pulau Nami menjadi lokasi drama *Winter Sonata* yang telah menjadi daya tarikan pelancong asing. Bukan sahaja itu, eksport barangan pengguna seperti komestik, makanan, barang elektronik serta automobil juga meningkat kerana barangan pengguna ini sentiasa ditonjolkan di dalam K-Drama. K-Drama yang dihasilkan bukan semata hiburan semata-mata tetapi ia adalah aset strategik yang amat berharga bagi menggerakkan ekonomi Korea Selatan.